

Newspaper : **Bernamea.com**
Date : **26th September 2013**
Title : **Bina Puri peroleh kontrak membeli-belah RM441.008 juta**
Section : **Online** Page :

Bina Puri Holdings Bhd
(207184-X)

Bina Puri Peroleh Kontrak Membeli-belah RM441.008 Juta

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Bina Puri Holdings Bhd, penyedia perkhidmatan pembinaan awam dan bangunan, memperoleh kontrak bernilai RM441.008 juta daripada Sime Darby CapitaMalls Asia (Melawati Mall) Sdn Bhd bagi membina gedung membeli-belah 13 tingkat di Bandar Ulu Kelang, Selangor.

Gedung di Seksyen 1, Pusat Bandar Melawati, berkeluasan kira-kira 2.25 hektar dan merupakan tanah komersial paling luas yang terakhir di bandar itu.

Pengarah Urusan Kumpulan Tan Sri Datuk Tee Hock Seng berkata syarikatnya bangga dapat bekerjasama dengan Sime Darby CapitaMalls Asia memandangkan kedua-duanya merupakan organisasi yang dihormati.

"Sime Darby Property memiliki pengalaman luar dalam pasaran hartanah di seluruh negara manakala CapitaMalls Asia ialah pemaju utama pusat membeli-belah di Asia.

Menerusi projek terkini ini, kumpulan itu memperoleh RM775.27 juta nilai projek tahun ini dan projek dalam tangan yang belum dilaksanakan bernilai RM1.91 bilion.

"Kontrak itu dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan Bina Puri Group bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis 2013," katanya.

-- BERNAMA

From : Group Corporate Communication Department
Date : 26th September 2013
Subject : Bina Puri News Update